

## **KEMPEN PB WISE**

### **TERMA DAN SYARAT**

Kempen PB WISE (“Kempen”) ini dilancarkan oleh Public Bank Berhad [6463-H] (“PBB”). Terma dan syarat yang berikut mengawal Kempen ini yang ditawarkan kepada Peserta yang Layak, seperti yang ditakrifkan selepas ini:-

#### **1. Butir-butir Kempen**

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 Januari 2020 hingga 29 Februari 2020** [termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”)].
- 1.2 Kempen ini dijalankan di semua cawangan PBB di Malaysia.

#### **2. Kelayakan**

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada semua Pelanggan individu PBB baharu dan sedia ada termasuk bukan pemastautin (“Peserta yang Layak”).
- 2.2 Bagi membolehkan pemegang Akaun Simpanan WISE yang dibuka secara persendirian/bersama berumur di bawah umur 18 tahun (“Kanak-kanak”) untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, ibu atau bapa/penjaga sah Kanak-kanak tersebut mesti memberi keizinan dan bersetuju dengan Terma dan Syarat Kempen ini. Ibu/bapa/penjaga sah kanak-kanak tersebut akan dianggap sebagai Peserta yang Layak bagi tujuan Kempen ini.
- 2.3 Peserta yang Layak untuk Akaun Bagi Pihak atau Akaun Bersama ialah ibu atau bapa/penjaga sah kanak-kanak berkenaan.
- 2.4 Pelanggan yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
  - a) Kakitangan tetap dan/atau kontrak PBB, Public Islamic Bank Berhad (“PIBB”) dan Public Investment Bank Berhad.
  - b) Akaun bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan.
- 2.5 Deposit Akaun Simpanan WISE yang digunakan untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini tidak boleh dan dilarang daripada digunakan bagi kempen lain yang dijalankan serentak semasa Tempoh Kempen, atau lanjutan daripadanya.

- 2.6 Amaun deposit Akaun Simpanan WISE di bawah Kempen ini mestilah dana baharu. “**Dana baharu**” merujuk dana yang bukannya daripada dana sedia ada yang disimpan dalam mana-mana akaun deposit Peserta yang Layak dengan PBB atau PIBB.
- 2.7 Sumber dana baharu yang diterima adalah seperti yang berikut:
- a) Tunai yang diterima daripada sumber luar;
  - b) Prosid yang diterima daripada pendebitan suatu akaun (dengan syarat sumber dana adalah dana baharu yang didepositkan ke dalam akaun berkenaan);
  - c) Prosid daripada Cek Sendiri daripada pihak ke-3;
  - d) Prosid daripada Cek Tempatan; dan/atau
  - e) Prosid daripada Pindahan Telegraf (TT) / GIRO Antara Bank (IBG) / RENTAS daripada bank-bank lain.
- 2.8 Dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas dana baharu itu dipindahkan kepada PBB dalam mana deposit itu disimpan, Peserta yang Layak mesti mengunjungi cawangan pemegang akaun untuk membenarkan PBB untuk melaksanakan penyertaan itu.
- 2.9 Deposit yang dibuat menggunakan cek tertakluk pada penjelasan dan akan hanya dianggap sebagai deposit oleh Peserta yang Layak selepas cek tersebut dibayar atau dijelaskan dan akan hanya dianggap laku jika tidak dipulangkan sebagai cek tak laku dan penyertaan dalam Kempen ini akan berkuat kuasa apabila fasal ini dipenuhi.
- 2.10 Kempen ini **TIDAK** sah dengan promosi produk lain yang ditawarkan serentak oleh PBB dan/atau PIBB.

### 3. Ciri-ciri Kempen

- 3.1 Produk yang Layak di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:-
- a) Akaun Simpanan WISE\*
  - b) PB Max Advantage^

\*Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

^Pelan Insurans yang tidak mengambil bahagian dengan Ciri-ciri Berkaitan Pelaburan yang ditaja jamin oleh AIA Berhad (“AIA”).

- 3.2 Untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak perlu:-
- a) Membuka Akaun Simpanan WISE dengan deposit permulaan minimum sebanyak RM500 (pemegang akaun baharu) atau menambah deposit minimum sebanyak RM500 (pemegang akaun sedia ada); dan
  - b) Mendaftar untuk PB Max Advantage.
- 3.3 Kanak-kanak yang memegang Akaun Simpanan WISE dan insured hayat PB Max Advantage mestilah orang yang sama.
- 3.4 Peletakan deposit Akaun Simpanan WISE dan pendaftaran PB Max Advantage mesti dibuat serentak di cawangan pemegang Akaun Simpanan WISE.
- 3.5 Peserta yang Layak mesti memenuhi kriteria yang ditetapkan di bawah perkara 3.2, untuk bagi Angpau yang berikut:-

Premium Baharu Tahunan Yang Ditetapkan	Angpau*
< RM10,000	RM 88
≥ RM10,000	RM188

\*bagi setiap polisi untuk setiap hayat yang diinsured

- 3.6 Angpau akan dikreditkan dalam Akaun Simpanan WISE yang ditetapkan oleh Peserta yang Layak **dalam tempoh 12 minggu** dari tempoh percubaan.
- 3.7 Sekiranya Peserta yang Layak membatalkan PB Max Advantage dalam tempoh percubaan selama lima belas (15) hari, Peserta yang Layak tidak berhak untuk mendapat Angpau tersebut.

Tempoh percubaan bagi PB Max Advantage itu ditakrifkan seperti yang berikut:-

- a) Peserta yang Layak mempunyai hak untuk membatalkan Polisi PB Max Advantage (Polisi) dengan memberi AIA notis bertulis dan memulangkan Polisi kepada AIA. AIA akan memulangkan balik premium yang telah dibayar (hanya Premium Asas dan premium bagi Kontrak Tambahan, jika ada) dan Nilai Akaun yang ada pada Tarikh Penilaian mengikut tarikh notis diterima oleh AIA, berserta Caj Premium yang telah dipotong, tolak apa-apa perbelanjaan yang mungkin ditanggung bagi apa-apa pemeriksaan kesihatan.
- b) Notis sedemikian mesti ditandatangani oleh Peserta yang Layak dan diterima terus oleh AIA dalam tempoh lima belas (15) hari selepas Peserta yang Layak menerima Polisi berkenaan.

#### **4. Hak PBB**

4.1 PBB boleh meminda, memotong dan/atau membuat penambahan kepada mana-mana Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan notis terlebih dahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari dalam laman web PBB atau menerusi kaedah komunikasi lain yang PBB anggap sesuai dan pindaan, pemotongan atau penambahan sedemikian hendaklah berkuat kuasa pada tarikh sebagaimana yang akan ditetapkan oleh PBB. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak dianggap bersetuju untuk mematuhi pindaan, pemotongan atau penambahan Terma dan Syarat berkenaan sebagaimana di atas.

#### **5. Lain-lain**

5.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak:-

- a) bersetuju bahawa terma dan syarat ini akan diguna pakai bersama-sama dengan Peraturan-peraturan yang mengawal pembukaan dan pengendalian Akaun Simpanan WISE dan terma dan syarat serta pengecualian kontrak Polisi PB Max Advantage, yang sesalinannya telah diberi kepada Peserta yang Layak;
  - b) bersetuju dan membenarkan maklumat berkenaan dengan Akaun Simpanan WISE dan PB Max Advantage beliau boleh diproses, dikumpul, digunakan dan disimpan oleh PBB bagi tujuan Kempen ini; dan
  - c) bersetuju bahawa keputusan PBB adalah muktamad.
- 5.2 Untuk meneliti Notis Kerahsiaan PBB mengenai bagaimana PBB menggunakan maklumat anda atau sekiranya anda ingin menerima maklumat mengenai produk dan perkhidmatan PBB termasuk tawaran promosi dan bahan pemasarannya, sila layari [www.pbebank.com.my](http://www.pbebank.com.my) atau mana-mana cawangan PBB.

\*\*\*\*\*  
Ruang Selebihnya pada Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong  
\*\*\*\*\*